

## **Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010**

Luqman Haji Abdullah<sup>1</sup>, Paizah Hj. Ismail<sup>1</sup>, Muhammad Ikhlas Rosele<sup>2</sup>, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar<sup>2</sup>, Umami Farahin Yassin<sup>2</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>1</sup> & Wan Zulkifli Wan Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah (PhD), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>2</sup>Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>3</sup>Pensyarah kanan (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak:**

Kertas kerja ini menfokuskan terhadap kedudukan serta pemakaian mazhab Syafi'i dan keselarasannya dalam fatwa di Malaysia. Sorotan dilakukan terhadap fatwa-fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkaitan zakat daripada tahun 2000-2010. Untuk mencapai objektif tersebut, analisis dilakukan dengan meneliti metodologi istinbat dan sumber ambilan dalam penetapan fatwa. Ia merangkumi penggunaan manhaj usul Syafi'i, pengambilan atau pentarjihan pendapat ulama mazhab Syafi'i, merujuk kitab-kitab ulama Syafi'i dan rujukan-rujukan lain yang bersumberkan mazhab Syafi'i, ataupun fatwa tersebut berasaskan pandangan mazhab-mazhab lain. Hasil kajian mendapati bahawa tidak semua fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia berkenaan zakat yang ditetapkan berteraskan mazhab Syafi'i, sebaliknya pandangan mazhab lain turut diterimapakai.

**Kata kunci:** mazhab Syafi'i, fatwa, zakat, metodologi istinbat

### **PENDAHULUAN**

#### **Sejarah perkembangan mazhab Syafi'i di Malaysia**

Perkembangan mazhab Syafi'i di Malaysia dari sudut sejarah berkait rapat dengan sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu (Wan Zulkifli, et al. 2012, 2532). Terdapat beberapa pendapat mengenai tarikh kedatangan Islam ke Alam Melayu. Beberapa sarjana mengatakan Islam mula masuk ke Alam Melayu sekitar abad ke-13 Masihi ataupun jauh lebih awal berdasarkan wujudnya penempatan orang-orang Islam berketurunan Arab dan Parsi di utara Sumatera di samping wujudnya hubungan perdangan di antara negara-negara Timur Tengah dengan Alam Melayu (al-Attas 1969).

Manakala kedatangan Islam ke Tanah Melayu bermula semenjak pengislaman Parameswara (kemudian menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah) pada tahun 1414M iaitu pada awal abad ke-15M, menurut kebanyakan sejarawan. Semenjak daripada itu ajaran Islam tersebar meluas dari Melaka ke seluruh Tanah Melayu (Muhammad Yusoff Hashim 1990; Ismail Hamid 1983).

Walaupun bagaimanapun, ada pendapat mengatakan bahawa Islam telah pun bertapak di Tanah Melayu sejak tahun 1303M, berdasarkan tarikh yang terdapat pada batu bersurat yang ditemui di Terengganu (al-Attas 1970). Terdapat juga pendapat mengatakan bahawa Islam telah bertapak di Tanah Melayu seawal abad ke-3H/10M. Pendapat ini bersandarkan tarikh yang tercatat pada batu nisan yang ditemui di Lembah Bujang. Ini membuktikan bahawa Islam telah bertapak di Tanah Melayu sejak zaman pemerintahan Kerajaan 'Abasiyyah lagi (Mansor Tobeng 1965; Mahayudin Hj. Yahya 1993). Kesimpulannya, Islam telah lama bertapak di Tanah Melayu dan pengislaman Sultan Muhammad Shah menjadikan Melaka dianggap negeri yang pertama menerima pengaruh Islam secara menyeluruh di Tanah Melayu (Muhammad Yusoff Hashim 1990).

Walaupun agak sukar untuk menentukan tarikh sebenar kedatangan Islam ke Tanah Melayu, namun dapat dirumuskan kedatangan Islam boleh dibahagikan kepada dua tahap penyebaran Islam, iaitu: (1) Kedatangan atau ketibaan, penyebaran peringkat awal dan terbatas, (2) Perkembangan (Abdul Salam 2009, 85).

Apa yang menarik berhubung pengislaman Melaka ialah perkaitannya dengan penyebaran mazhab Syafi'i. Ini kerana kedatangan pendakwah bernama Sayyid Abdul Aziz ke Melaka yang mempunyai pertalian dan hubungan dengan Syeikh Ismail al-Siddiq (yang telah mengislamkan Pasai) yang mana mereka berdua berasal dari Semenanjung Tanah Arab yang ketika itu merupakan wilayah Islam di bawa pengaruh mazhab Syafi'i (Abdullah Ishak 1992).

Kedatangan Islam ke Nusantara termasuk Malaysia merupakan Islam yang bermazhab al-Syafi'i sebagaimana dapat dilihat di dalam undang-undang yang diamalkan di Tanah Melayu pada waktu itu (John Crawford 1877; G.W.J. Drewes 1985). Ahli-ahli sejarah Barat yang membincangkan berhubung kedatangan Islam ke Nusantara termasuk Malaysia juga mengatakan bahawa mazhab Syafi'i merupakan satu-satu mazhab yang paling dominan dalam pengajian fiqh di Nusantara (John Crawford 1877).

Selain itu, dalam kes-kes pengislaman kebanyakan para penyebar Islam bukan sahaja terdiri daripada pendakwah yang berwibawa dan ahli sufi keturunan Arab, bahkan pengaruh mereka sangat besar dalam pembentukan kerajaan Islam dan penyebaran mazhab Syafi'i (Abdul Rahman Abdullah 2000; Adil Muhyidin al-Alusi 1994). Di antara fenomena yang menarik dalam kegiatan dakwah dari Tanah Arab ialah peranan kaum Sayyid Hadramaut yang bermazhab Syafi'i (Abdul Rahman Abdullah 2000; Mahyuddin Hj. Yahya 1984).

Antara bukti lain yang menunjukkan dominasi mazhab Syafi'i di Alam Melayu khususnya Tanah Melayu (Malaysia) adalah penulisan fiqh (teks Syariah) oleh ulama tempatan berasaskan mazhab Syafi'i. Antara penulisan fiqh tersebut adalah kitab al-Sirat al-Mustaqim yang mula dikarang pada tahun 1634M dan selesai pada tahun 1644M (Haji Mat Saad 2004, 10; Teuku Iskandar 2007, 18). Ia dikarang oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri (w. 1068H) dan merupakan kitab fiqh pertama di dalam Bahasa Melayu (tulisan Jawi) (Jamalluddin & Abdul Karim 2009, 268) dan berasaskan rujukan-rujukan penulisan fiqh oleh ulama-ulama yang bermazhab Syafi'i pada era taqlid (Jamalluddin & Abdul Karim 2009, 280; Wan Mohd Shaghir 1991, 115-116). Kitab tersebut mula ditulis di Pahang (Haji Mat Saad 2004, 7) dan pernah dihantar ke Kedah pada tahun 1940an bertujuan mengembalikan pengaruh Islam dan mengembangkannya di Kedah (Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah 2011; Zainuddin 1957, 183).

Antara kitab lain adalah kitab *Mir'at al-Tullab fi Tashih Ma'rifah Ahkam al-Syar'iyyah li Malik al-Wahhab* (sekitar kurun ke-17M) karangan Syekh Abdul Rauf Singkel al-Fansuri, kitab *Sabil al-Muhtadin* karangan Syekh Muhammad al-Banjari yang mana keduanya bersumberkan kitab-kitab muktabar mazhab Syafi'i (Amir Syarifuddin, 1995). Seterusnya adalah karangan Syekh Abdul Malik b. Abdullah atau terkenal dengan gelaran Tok Pulau Manis di Terengganu iaitu *Risalah al-Naql, Kayfiyyah al-Niyyah* dan *Kitab al-Kifayah* yang mana kitab-kitab tersebut adalah berasaskan pemikiran mazhab Syafi'i (Muhammad Abu Bakar, 1991). Karangan Syekh Abdul Samad b. Muhammad Salleh al-Kelantani iaitu *Bidayah Ta'lim al-'Awam fi Tarf min Arkan al-Islam* dan *Minhah al-Qarib al-Mujib wa Mughni al-Raghibin fi Taqrib* jelas menunjukkan ia bersumberkan kepada kitab-kitab fiqh dalam mazhab Syafi'i (Abdul Kadir b. Hj. Muhammad, 1996), serta banyak lagi.

Penguatan mazhab Syafi'i juga berlaku di Tanah Melayu melalui pendidikan dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam institusi pendidikan (Wan Zulkifli, et al. 2012, 2538), di mana kupasan dan pengajian kitab fiqh berteraskan mazhab Syafi'i berlaku dalam institusi pondok (Abdul Halim al-Muhammady 1982), masjid-masjid, surau-suruau dan sekolah-sekolah agama (Idris Awang dan Tengku Sarina Aini 2007, 160). Begitu juga di dalam perundangan di Tanah Melayu, contohnya Hukum Kanun Melaka (HKM) yang merupakan saduran dari kitab-kitab fiqh aliran mazhab Syafi'i (Liaw Yock Fang 1976, Abd. Jalil Borham 2002, 93) ataupun perundangannya dilihat selari dengan mazhab Syafi'i (Ahmad Ibrahim et al. 1990) dan perundangan yang digunapakai oleh kerajaan Johor-Riau yang juga dipengaruhi aliran tersebut (Leornad Y. Andaya 1975; Winstedt 1968; Hooker, 1970). Pemakaian undang-undang Islam bermazhab Syafi'i dan undang-undang adat tempatan juga diterima pakai di negeri-negeri lain seperti Pahang, Perak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan lain-lain. (Mosye Yegar 1979).

Ringkasnya pengaruh dan pengembangan Mazhab Syafi'i di Alam Melayu berdasarkan kepada beberapa faktor (Zulkifli 2011, 64):

- i. Mazhab yang disebar oleh pendakwah ialah mazhab Syafi'i
- ii. Raja juga bermazhab dengan mazhab Syafi'i
- iii. Tuan-tuan guru dan ulama juga bermazhab Syafi'i
- iv. Guru-guru yang mereka belajar sama ada di Mekah ataupun Timur Tengah bermazhab Syafi'i
- v. Kitab-kitab yang diajar daripada kitab-kitab fiqh Syafi'i
- vi. Majlis agama kebanyakannya menggalakkan fatwa dalam mazhab Syafi'i.

#### **KEDUDUKAN MAZHAB SYAFI'I DALAM PERUNDANGAN DAN FATWA DI MALAYSIA**

Kedudukan mazhab Syafi'i di Malaysia diperkukuhkan lagi melalui peruntukan undang-undang melalui enakmen negeri-negeri. Dengan mengambil kira sejarah perkembangan mazhab Syafi'i di Malaysia pihak berkuasa negeri telah mengambil langkah dengan lebih jelas iaitu menerima pakai mazhab Syafi'i dalam fatwa-fatwa negeri. Sebagai contoh Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan dalam Seksyen 39:

- 1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (qaul muktamad) mazhab Syafi'i.
- 2) Jika Mufti berpendapat bahawa dgn mengikut qaul muktamad mazhab Syafi'i akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
- 3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Jelas dari peruntukan di atas keutamaan mazhab Syafi'i dalam fatwa berbanding dengan mazhab lain. Satu-satunya perkara yang diambil kira untuk menerimapakai mazhab selain Syafi'i ialah kepentingan awam. Ini adalah satu bentuk siyasyah syariyyah daripada pihak pemerintah demi untuk menjaga kemaslahatan keharmonian hidup beragama di Negara kita yang telah sebatu dengan mazhab Syafi'i dengan pada masa yang sama memberi ruang kepada mazhab lain dalam fatwa jika ada kepentingan awam. Kaedah penyeragaman ini sangat perlu diambil perhatian oleh semua pihak agar keharmonian hidup masyarakat Islam tidak terganggu dengan pendapat-pendapat yang lain dari mazhab Syafi'i yang tidak perlu diketengahkan untuk masyarakat awam.

Dalam perkembangan yang sama Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan telah memutuskan beberapa ketetapan seperti berikut (Ahmad Hidayat Buang 2004, 167):

- 1) Semua fatwa yang diputuskan mestilah berdasarkan kepada qawl yang muktabar dalam mazhab Syafi'i. Jika hendak beramal dengan qawl dari mazhab lain maka perlu mendapat restu dariada Yang Di Pertuan Agong
- 2) Umat Islam tidak dipaksa beramal dengan mazhab Syafi'i bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab lain yang disukai dengan syarat mereka tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafi'i.
- 3) Mazhab-mazhab lain tidak boleh diajar atau disyarah secara terbuka di khalayak ramai namun boleh diajar di majlis-majlis pelajaran
- 4) Menjadi satu kesalahan jika mengajar mazhab lain selain daripada mazhab Syafi'i secara terbuka
- 5) Jika fatwa telah dikeluarkan berasaskan kepada mazhab Syafi'i, maka tiada sesiapa pun boleh membantahnya dengan menggunakan hujah daripada mazhab yang lain

Selain daripada itu Jakim telah menerima pakai cadangan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam agar penyebaran fahaman-fahaman selain mazhab Syafi'i hendaklah dikawal bagi tujuan membendung fahaman yang boleh mengelirukan masyarakat yang tidak terdedah dengan perbezaan mazhab-mazhab. Cadangan ini telah diperkenan oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja ke 133 (khas) pada 3 disember 1984 (Wan Zulkifli 2002, 139-140).

Apa yang jelas dari peraturan ini ialah untuk menjaga orang awam dari terdedah kepada kekeliruan aliran mazhab yang berbagai. Dengan kedudukan mazhab Syafi'i yang telah sebatu dalam kehidupan mereka tentunya akan timbul kekeliruan jika mazhab lain turut didedahkan kepada awam (Luqman dan Nima Jihatea 2007, 113-115). Walaupun Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengeluarkan fatwa berdasarkan pertimbangan mazhab Syafi'i namun terdapat juga beberapa fatwa yang diasaskan pada mazhab lain (Idris Awang dan Tengku Zarina Aini 2007,

166), ini adalah kerana keterikatan kepada mazhab ditinggalkan apabila ia dilihat bertentangan dengan masalah atau kepentingan umum (Noor Naemah, Abdul Karim dan Ridzwan 2004, 188).

## **PENGENALAN JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN DAN PERANANNYA**

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah ditubuhkan pada awal tahun 1970. Penubuhannya bertindak sebagai sebuah institusi pengeluar fatwa peringkat kebangsaan di Malaysia dalam rangka menyelaraskan dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara (Mohd Mohadis Yasin 2007, 125). Jawatankuasa ini juga dianggap sebagai badan yang paling berautoriti dalam mengeluarkan fatwa di Malaysia (Noor Naemah, et al. 2005). Persidangan pertama telah dijalankan pada 23-24 Jun 1970 oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dan sehingga Mei 1980 sebanyak 18 kali persidangan telah dilangsungkan. Selepas itu, persidangan masih terus berlangsung yang mana kini lebih dikenali sebagai muzakarah (INFAD 2010).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa merupakan medium untuk membincangkan apa-apa persoalan yang berbangkit mengenai hukum syarak oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (Arik Sanusi 2001, 86). Mesyuarat kali pertama Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (dahulu Muzakarah Mufti-Mufti) diadakan pada 28 Januari 1981 yang bertempat di Melaka (Mohd Akram Dahaman 2012).

Keanggotaan dalam jawatankuasa ini adalah terdiri daripada seorang penguerosi yang dilantik oleh MKI, mufti bagi setiap negeri, sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional di samping seorang ahli dari Perkhidmatan Kehakiman atau Undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja, menurut perkara 11(a) Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKBHEAIM).

Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis ini ialah membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran seperti mana yang termaktub di dalam perkara 14 Peraturan MKBHEAIM (Zaini Nasohah 2005, 31). Antara tugas Majlis ini juga ialah memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Islam Negeri atas perkara-perkara yang berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak membaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran (Hasnan Kasan 2008, 36; Farid Sufian Shuaib 2008, 449). Ini menunjukkan bahawa MJFK memainkan peranan yang penting dalam memastikan keseragaman fatwa-fatwa yang dikeluarkan (Mohd Nazri Asiabu 2004, 57).

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab menjadi pengeluar hukum/fatwa, jawatankuasa ini perlu melalui kaedah-kaedah penting dalam proses pengeluarannya. Antaranya menerusi mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI (JFMKI). Iaitu selepas jawatankuasa menerima arahan supaya mengeluarkan hukum berkenaan sesuatu isu tertentu hasil daripada mesyuarat yang telah dijalankan oleh Majlis Raja-raja. Seterusnya, mesyuarat akan dijalankan diperingkat

jawatankuasa fatwa pula. Selepas mendapat persetujuan daripada anggota mesyuarat, keputusan hukum tersebut akan dirafakan kepada Mesyuarat Majlis Raja-raja menerusi MKI. Keputusan hukum yang telah diterima oleh Majlis Raja-raja seterusnya akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri (JAKIM 2013). Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri tidak boleh sewenang-wenangnya meminda fatwa tersebut tanpa kebenaran rasmi dari Majlis Raja-raja (Zaini Nasohah, et al. 2012, 925).

Kaedah seterusnya ialah melalui muzakarah JFMKI. Sebarang persoalan hukum atau isu yang dikemukakan oleh masyarakat akan dikaji. Seterusnya kertas kerja mengenai isu tersebut akan disediakan dan akan dibentangkan dalam panel Mesyuarat Panel Kajian Syariah. Selepas itu, kertas kerja berserta keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah akan dibentangkan pula dalam Muzakarah JFMKI. Hasil daripada keputusan dariada muzakarah itu kemudiannya akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Tertakluk kepada negeri sama ada meminda keputusan itu atau menerimanya tanpa sebarang pindaan (JAKIM 2013, INFAD 2010). Keputusan yang dicapai dalam muzakarah ini tidak bersifat mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota (Abdul Monir Yaacob 1998, 139).

Kertas kerja ini akan menganalisis berkenaan kedudukan mazhab Syafi'i dalam fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Keputusan fatwa-fatwa tersebut diperolehi daripada laman portal rasmi fatwa Malaysia iaitu <http://www.e-fatwa.gov.my/>. Terdapat 306 fatwa yang telah diputuskan oleh MJFMK daripada tahun 1970 hingga 2012. Fatwa tersebut dibahagikan ke dalam 12 kategori iaitu akidah, ibadah, jenayah, muamalat/ekonomi, perubatan, zakat, munakahat, makan dan minum, pakaian, haiwan, sosial/syariah dan lain-lain. Pembahagian fatwa dalam kategori tersebut seperti dalam jadual 1 berikut :

Jadual 1 : Jumlah fatwa mengikut kategori

| Kategori         | Jumlah Fatwa | Kategori        | Jumlah Fatwa |
|------------------|--------------|-----------------|--------------|
| Akidah           | 40           | Munakahat       | 29           |
| Ibadah           | 24           | Makan dan Minum | 17           |
| Jenayah          | 0            | Pakaian         | 1            |
| Muamalat/Ekonomi | 37           | Haiwan          | 16           |
| Perubatan        | 28           | Sosial/Syariah  | 86           |
| Zakat            | 27           | Lain-lain       | 1            |
|                  |              | <b>Jumlah</b>   | <b>306</b>   |

Sumber : e-fatwa.gov.my

## ANALISIS FATWA-FATWA ZAKAT (2000-2010)

Jumlah fatwa berkenaan zakat yang telah diputuskan MJKFMK adalah sebanyak 27 fatwa, di mana 17 fatwa telah diputuskan dari tahun 2000-2010. 17 fatwa tersebut seperti di dalam jadual berikut;

Jadual 2 : Fatwa-fatwa Zakat dari tahun 2000-2010

| Bil. | Tajuk Fatwa   | Bil. JKF             | Tarikh Keputusan |
|------|---|----------------------|------------------|
| 1    | Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian   | Muzakarah Kali Ke-87 | 23 Jun, 2009     |
| 2    | Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah   | Muzakarah Kali Ke-79 | 6 Sep, 2007      |
| 3    | Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat  | Muzakarah Kali Ke-76 | 21 Nov, 2006     |
| 4    | Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif   | Muzakarah Kali Ke-74 | 25 Jul, 2006     |
| 5    | Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya   | Muzakarah Kali Ke-71 | 22 Nov, 2005     |
| 6    | Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayarannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia | Muzakarah Kali Ke-68 | 14 Apr, 2005     |
| 7    | Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA)   | Muzakarah Kali Ke-60 | 23 Oct, 2003     |
| 8    | Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara   | Muzakarah Kali Ke-60 | 23 Oct, 2003     |
| 9    | Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji   | Muzakarah Kali Ke-58 | 29 Jul, 2003     |
| 10   | Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia   | Muzakarah Kali Ke-57 | 10 Jun, 2003     |
| 11   | Zakat Gaji Beserta Kadarnya   | Muzakarah Kali Ke-56 | 7 May, 2003      |
| 12   | Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia   | Muzakarah Kali Ke-51 | 11 Mar, 2002     |
| 13   | Zakat Syarikat/Anak Syarikat Yang Dimiliki Oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB)  | Muzakarah Khas       | 16 Aug, 2001     |
| 14   | Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam      | Muzakarah Khas       | 16 Aug, 2001     |
| 15   | Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan Non Muslim                                    | Muzakarah Kali Ke-50 | 10 May, 2001     |
| 16   | Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri   | Muzakarah Kali Ke-50 | 10 May, 2001     |
| 17   | Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultansi  | Muzakarah Kali Ke-50 | 10 May, 2001     |

Analisis dilakukan terhadap setiap keputusan fatwa berikut untuk melihat sejauh mana pengaruh mazhab Syafi'i dan kedudukannya dalam aktiviti fatwa di Malaysia khususnya Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Analisis dilakukan dengan melihat keselarasan fatwa yang diputuskan dengan pendapat dan pandangan mazhab Syafi'i.

### 1. Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMKBHEUM) Kali Ke-87 yang bersidang pada 23 - 25 Jun 2009 telah membincangkan Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian. Muzakarah telah memutuskan bahawa, keputusan yang telah dipersetujui pada Muzakarah kali ke -76 bertarikh 21-23 Nov. 2006 adalah selaras dengan pandangan syarak dan tidak perlu dibuat sebarang pindaan. Keputusan tersebut adalah sepertimana berikut:

- 1- Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.
- 2- Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Jika dilihat kepada keputusan muzakarah ini ianya selaras dengan mazhab Syafi'i yang menyatakan bahawa lebih afdal membayar zakat kepada pemerintah yang adil (al-Nawawi 1980, 6: 138), manakala hukum mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah (al-Syarbini 2004, 1: 464; al-Nawawi 1980, 6: 137).

### 2. Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah

Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-79 yang bersidang pada 6 - 8 September 2007 telah membincangkan Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah. Muzakarah telah memutuskan bahawa pengagihan zakat perlu diberi keutamaan kepada umat Islam mengikut asnaf-asnaf yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, pemerintah diharuskan memberi zakat kepada orang bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan secara hikmah bagi tujuan dakwah.

Keputusan yang diputuskan pengagihan zakat perlu diberi keutamaan kepada umat Islam dan pemerintah diharuskan memberi zakat kepada orang bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan bagi tujuan dakwah adalah selaras dengan mazhab Syafi'i (al-Nawawi 1980, 6: 180). Pada asalnya adalah tidak harus memberi zakat kepada orang bukan Islam (al-Nawawi 1980, 6: 220). Namun jika mereka yang diberi zakat itu adalah cenderung kepada Islam, mereka termasuk golongan *muallafah qulubuhum* yang harus menerima zakat (al-Nawawi 1980, 6: 180; al-Syirazi 1995, 1: 315).

### 3. Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat

Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 November 2006 telah memutuskan bahawa:



1) Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.

2) Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

3) Mengenai hukum Qada Zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.

Keputusan mengenai hukum pengagihan zakat secara persendirian telah diputuskan dan dibincangkan sebelum ini. Manakala keputusan muzakarah mengenai hukum Qada Zakat yang difatwakan wajib qada bagi zakat yang telah memenuhi syarat dan tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya oleh jawatankuasa muzakarah fatwa juga adalah selari sebagaimana yang telah diputuskan oleh mazhab Syafi'i (al-Nawawi 1980, 5: 135).

#### 4. Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif

Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah memutuskan bahawa, mazhab Syafi'i menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Jumhur Ulama berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.

Keputusan yang diputuskan oleh jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengenai zakat bagi wang simpanan KWSP adalah selaras dengan pendapat mazhab Syafi'i. Ini kerana wang KWSP adalah harta simpanan dan wajib dikeluarkan zakat daripadanya apabila ia memenuhi kedua-dua syarat utama zakat iaitu cukup nisab dan haul (al-Nawawi 1980, 6: 13).

#### 5. Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya

Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-71 yang bersidang pada 22 - 24 Nov 2005 telah memutuskan bahawa FELDA wajib mengeluarkan zakat ke atas hasil pendapatannya dengan mengambilkira pendapatan anak-anak syarikat, sekiranya semua urusan ke atas pemilikan ekuiti dan akaun pendapatan anak-anak syarikat dikawal oleh FELDA sendiri. Walaubagaimanapun, sekiranya pendapatan anak-anak syarikat FELDA diuruskan melalui akaun yang berasingan, maka anak-anak syarikat tersebut wajib mengeluarkan zakat pendapatannya secara berasingan.

Hasil keputusan jawatankuasa muzakarah fatwa yang telah memutuskan wajib zakat ke atas pendapatan FELDA dan syarikat-syarikatnya adalah sesuatu yang belum pernah dibincangkan sebelum ini. Tidak terdapat perbincangan mengenai zakat pendapatan dalam perbincangan kitab turath. Walaubagaimanapun, antara ulama kotemporari yang mewajibkan zakat ini ialah al-Qardawi, Abu Zuhrah, Abd Wahhab Khallaf dan Muhammad al-Ghazali (Mahmood Zuhdi 1993,

32). Menurut al-Qaradawi kewajipan untuk memungut zakat pendapatan ini kerana ianya merupakan perolehan baru yang diperoleh secara halal.

#### **6. Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayarannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia**

Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-68 yang bersidang pada 14 Apr 2005 telah memutuskan bahawa isu perpindahan bayaran zakat oleh badan-badan korporat mengikut kelayakan negeri-negeri tidak memerlukan fatwa. Muzakarah berpendapat bahawa jika terdapat mana-mana negeri yang masih memerlukan bantuan agihan zakat, bolehlah membuat permohonan terus kepada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mempunyai kutipan yang tinggi. Pihak MAIN berkenaan akan menimbang dan seterusnya membuat keputusan ke atas permohonan tersebut.

Keputusan Muzakarah berpendapat bahawa jika terdapat mana-mana negeri yang masih memerlukan bantuan agihan zakat, bolehlah membuat permohonan terus kepada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mempunyai kutipan yang tinggi. Pihak MAIN berkenaan akan menimbang dan seterusnya membuat keputusan ke atas permohonan tersebut. Keputusan ini selaras dengan pendapat yang kuat (mengenai pemindahan harta zakat) di dalam mazhab Syafi'i (al-Nawawi 1980, 6: 212). Walaubagaimanapun jika terdapat lagi asnaf di Negeri yang mengeluarkan harta tersebut maka tidak harus diagihkan kepada Negeri lain (al-Syafi'i 2001, 3: 182).

#### **7. Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA)**

Menurut keputusan Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oct 2003, ANKASA diwajibkan untuk mengeluarkan zakat perniagaan apabila cukup haul dan nisab dan setelah ditolak semua perbelanjaan yang dikeluarkan. Fatwa ini selaras dengan mazhab Syafi'i yang mewajibkan zakat ke atas perniagaan sebanyak 2.5% (al-Nawawi 2003, 2: 134). Secara umumnya dalam mazhab Syafi'i terdapat 6 syarat zakat perniagaan, iaitu (al-Zuhaili 2004, 3: 1866-1869);

- 1) Cukup nisab
- 2) Cukup haul
- 3) Bermiat untuk berniaga pada saat membeli barang perniagaan
- 4) Tidak berniat untuk menggunakan atau mengambil manfaat bukan untuk memperniagakan barang tersebut
- 5) Memiliki barang perniagaan dengan proses transaksi
- 6) Dan tidak kurang nilai harta perniagaan daripada nisab sepanjang haul

Sekiranya syarat tersebut dipenuhi, maka zakat ke atas harta perniagaan adalah diwajibkan.

#### **8. Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara**

Menurut keputusan Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oct 2003, menyatakan orang tahanan dan banduan tersebut diwajibkan zakat fitrah, sekiranya menepati syarat wajib zakat fitrah iaitu:

1. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
2. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
3. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.
4. Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.

Fatwa yang diputuskan ini menepati dan selaras dengan mazhab Syafi'i. Ini adalah kerana syarat utama wajib zakat fitrah adalah Islam (al-Syafi'i 2002, 1: 84) dan waktu mula wajibnya zakat fitrah dengan terbenamnya matahari pada malam hari raya 'aidilfitri (Muhammad al-Zuhaili 2007, 2: 96). Syarat-syarat yang dikemukakan juga adalah antara syarat yang digariskan di dalam kitab fiqh al-Syafi'i (Muhammad al-Zuhaili 2007, 2: 96-97; al-Khatib al-Syarbini 1958, 1: 403).

#### 9. Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia dan Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia

Muzakarah JFMKBHEUM telah memutuskan bahawa harga zakat fitrah bagi negeri-negeri semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60kg. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras Vietnam White Rice bagi negeri Sabah dan Thai White Rice bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70kg. Terdapat dua perkara yang perlu dititikberatkan di dalam fatwa ini:

- 1- Beras sebagai kayu ukur zakat fitrah.
- 2- Pembayaran dengan nilai harga beras (RM)

Setelah melakukan penelitian didapati bahawa penggunaan beras sebagai bayaran zakat fitrah adalah selaras dengan mazhab Syafi'i. Ini adalah kerana beras merupakan makanan asasi di Malaysia (*Qut al-Balad*) di mana menurut pendapat dalam mazhab Syafi'i zakat fitrah dikeluarkan daripada makanan asasi sesebuah negara (al-Khatib al-Syarbini 1958, 1: 406). Walaupun terdapat beberapa perbezaan di dalam mazhab Syafi'i sendiri, contohnya Imam al-Syafi'i sendiri menyatakan zakat fitrah hendaklah dikeluarkan daripada makanan asasi individu yang mengeluarkan zakat tersebut secara khusus (al-Syafi'i 2002, 2: 89). Manakala pembayaran dengan menggunakan nilai beras pula menurut al-Syafi'i dan Malik adalah tidak harus, sedangkan Abu Hanifah mengharuskannya (al-Maqdisi 1992, 4: 295).

Fatwa ini tidak ada perbezaannya dengan fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 yang bersidang pada 11 Mac 2002.

#### 10. Zakat Gaji Beserta Kadarnya

Muzakarah JFMKBHEUM telah memutuskan bahawa asas pengiraan zakat gaji dan pendapatan adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun dan kadar zakat yang dikenakan ialah sebanyak 2.5% daripada jumlah pendapatan tersebut.

Zakat gaji dikira sebagai zakat simpanan, ianya dikenakan apabila cukup haul dan nisab menurut mazhab al-Syafi'i (Mahmood Zuhdi 1993, 289). Maka perkiraan kadar zakat sebanyak 2.5% tersebut adalah selaras dengan mazhab al-Syafi'i.

Pendapatan kasar adalah jumlah pendapatan yang tidak ditolak sebarang perbelanjaan, cukai, pembayaran dan sebagainya. Perbincangan berkenaan penolakan cukai, pembayaran peribadi tidak dibincangkan dengan khusus di dalam mazhab Syafi'i, tetapi ianya dibincang dalam perbincangan zakat pertanian. Apakah boleh ditolak hutang, kharaj dan pembiayaan daripada perkiraan zakat pertanian. Menurut mazhab Syafi'i hutang hendaklah dilangsaikan dahulu daripada membayar zakat (al-Syafi'i 2001, 3: 129). Manakala pembiayaan tanah (dalam zakat pertanian) tidak boleh ditolak dalam perkiraan zakat (Ibn Hazm 1349H, 5: 258). Jumhur ulama (termasuk Syafi'iyah) berpendapat bahawa *kharaj* hendaklah ditolak terlebih dahulu kemudian dikeluarkan zakat dari lebihan yang ada (al-Qaradawi 1994, 1: 421-422).

Sekiranya perbincangan tersebut boleh digunapakai atau diqiaskan kepada zakat pendapatan, maka menurut mazhab Syafi'i perbelanjaan peribadi tidak boleh mengurangkan perkiraan zakat berbeza dengan cukai dan hutang.

### **11. Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji**

Muzakarah JFMKBHEUM Kali Ke-58 yang bersidang pada 29 Julai 2003 telah memutuskan bahawa: 1) Anak-anak syarikat Tabung Haji wajib membayar zakat masing-masing. 2) Dalam membuat perkiraan zakat, dividen yang diisytiharkan oleh anak-anak syarikat dan dibayarkan kepada syarikat induk hendaklah ditolak. 3) Zakat ini hendaklah dibayar berdasarkan modal asal dan keuntungan sekiranya ada.

Fatwa yang diputuskan ini selaras dengan mazhab Syafi'i di mana barang perniagaan perlu dizakatkan (al-Syirazi 1995, 1: 293). Berkenaan penolakan dividen (mungkin boleh disamakan dengan cukai) sebelum dikeluarkan zakat telah dijelaskan sebelum ini di dalam perbincangan keputusan fatwa Zakat Gaji Berserta Kadarnya.

### **12. Zakat Syarikat/Anak Syarikat Yang Dimiliki Oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB)**

Muzakarah JFMKBHEUM telah memutuskan bahawa anak syarikat yang dimiliki oleh PNB tidak dikenakan zakat melainkan hanya pada pelaburan perseorangan dan pemegang saham sahaja. Ini bermaksud zakat tidaklah dibebankan kepada syarikat berkenaan. Pelaburan oleh perseorangan dan pemegang saham telah mewujudkan satu aktiviti perniagaan yang tidak lari daripada kewajipan zakat seperti mana yang disepakati kewajibannya oleh kebanyakan ulama (al-Syirazi 1995, 1: 293).

### **13. Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam**

Muzakarah JFMKBHEUM memutuskan bahawa semua perbankan atau syarikat yang berlandaskan Islam yang syarikat induknya dimiliki oleh orang bukan Islam adalah diwajibkan mengeluarkan zakat. Perniagaan bentuk ini adalah terdiri daripada satu kumpulan individu yang menyatukan modal dengan tujuan untuk menguruskan perniagaan bagi memperolehi keuntungan (Noor Afza Amran et al 2005, 64). Oleh itu, dapat difahami bahawa beberapa individu yang

berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain. Hal ini juga turut disebut oleh Ibn Rusyd bahawa zakat bagi harta yang dikongsikan oleh beberapa individu itu adalah dianggap satu (Ibn Rusyd 2009, 1:382).

#### **14. Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan Non Muslim**

Muzakarah JFMKBHEUIM telah memutuskan bahawa sekiranya syarikat yang dimiliki oleh pemegang saham Muslim dan Non Muslim, zakat hanya dikenakan ke atas pemegang yang Muslim sahaja. Keputusan ini bersandarkan kepada pandangan jumur termasuk ulama Syafi'iyah iaitu zakat wajib dikeluarkan bagi setiap Muslim sedangkan non-Muslim adalah tidak diwajibkan ke atasnya (Mustafa al-Khin 1992, 2: 64; al-Jaziri 1994, 1: 458).

#### **15. Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Muzakarah JFMKBHEUIM telah memutuskan bahawa bagi orang bukan Muslim tidak boleh menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri sedangkan wanita dibolehkan. Al-Hajjawi al-Maqdisi seorang ulama mazhab Hanbali, telah menjelaskan bahawa Muslim merupakan antara syarat yang dikenakan bagi seorang amil. Manakala wanita tidak menjadi syarat bagi seorang amil, namun begitu lelaki adalah lebih diberi keutamaan (al-Hajjawi t. t., 1: 469). Sedangkan dalam mazhab Syafi'i wanita tidak boleh menjadi amil dalam urusan zakat (al-Nawawi t. t., 6: 173).

#### **16. Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultan**

Muzakarah JFMKBHEUIM telah memutuskan bahawa wajib zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan. Sekiranya syarikat atau konsultan yang dimiliki bersama oleh orang Islam dan bukan Islam, zakat hanya dikenakan bagi Muslim sahaja. Firma dan syarikat konsultan merujuk kepada mana-mana badan perusahaan atau perniagaan yang menawarkan perkhidmatan pakar rundingan atau khidmat nasihat yang tidak terkecuali dari dikenakan zakat. Kewajipan zakat perniagaan ini merupakan kesepakatan para ulama termasuk Syafi'iyah (al-Nawawi t. t., 6: 3).

### **KESIMPULAN**

Mazhab Syafi'i sememangnya telah mendominasi budaya keilmuan terutamanya fiqh di Malaysia. perkara ini dibuktikan dengan fakta-fakta sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan perkembangan mazhab fiqh di Alam Melayu. Pengaruh mazhab Syafi'i terus berlanjung hingga ke hari ini, sehinggalah keutamaan diberikan kepada pendapat mazhab Syafi'i dalam proses keputusan fatwa di kebanyakan institusi fatwa di Malaysia.

Analisis dilakukan untuk melihat kedudukan mazhab Syafi'i dalam fatwa zakat di Malaysia, dengan melakukan kajian kualitatif terhadap fatwa-fatwa zakat yang diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Kajian mendapati kebanyakan keputusan fatwa yang telah diputuskan adalah selaras dengan mazhab Syafi'i kecuali dalam beberapa keputusan seperti, bolehnya wanita menjadi amil yang

merupakan padangan dalam mazhab Hanbali dan membayar zakat fitrah dengan menggunakan nilai (mata wang) harga beras berasaskan pandangan mazhab Hanafiyah. Dapatan ini dapat menguatkan lagi kenyataan bahawa mufti dan jawatankuasa fatwa memutuskan fatwa berasaskan pertimbangan mazhab Syafi'i, namun keterikatan kepada mazhab itu akan ditinggalkan apabila ianya dilihat bertentangan dengan masalah dan kepentingan umum. Ianya juga bertujuan untuk mengelakkan kesempitan dan kesukaran kepada masyarakat.

## RUJUKAN

- Abd. Jalil Borham. 2002. *Pengantar Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Halim al-Muhammady. 1982. *Pengaruh Madhhab Shafii Dan Masalah Kaum Muda Di Malaysia*. Kajang: Sincere Press Sdn. Bhd.
- Abdul Kadir b. Hj. Muhammad. 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob. 1998. "Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia." Dlm *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN*, disunting oleh Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (Eds.). Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Salam Muhamad Shukri. 2009. "Kedudukan pandangan Imam al-Shafii dalam realisasi Mazhab Shafie di Malaysia." *Jurnal JAHEAIK* 2; 83-97.
- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Adil Muhyidin al-Alusi. 1994. *Sejarah Kedatangan Islam ke India dan Indonesia*. Kuala Lumpur: al-Ramadhan.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. "Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia." dalam *Fatwa Di Malaysia*, disunting oleh Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim et. al. 1990. "Islamization Of The Malay Archipelago And The Impact Of al-Syafii Madhhab On Islamic Teaching And Legislation In Malaysia." Kertas Kerja International Seminar On Imam al-Syafii, Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993
- Amir Syarifuddin. 1995. "Pengaruh Mazhab Syafii Dalam Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh di Asia Tenggara." Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara, Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 20-23 November 1995.
- Arik Sanusi Yeop Johari. 2001. "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan." Dlm. *Monograf al-Ifta' (Siri 1)*, disunting oleh Hajah Wan Morsita Wan Sudin (eds.), 74-86. Selangor: JAKIM. h. 86.
- Fuad Sufian Shuaib. 2008. "Strengthening Administrative Institutions of Islamic Law in Malaysia: An Overview." *Shariah Journal* 16; 443-464.
- G.W.J. Drewes. 1985. "New Light On The Coming Of Islam To Sumatera" dalam *Reading On Islam In Southeast Asia*, diunting oleh Ahmad Ibrahim (et.al.). Singapore: Institute Of Southeast Asia Studies.
- Haji Mat Saad. 2004. "Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim (Satu Tinjauan Awal)." Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Manuskrip Islam, Berakas, Brunei.

- al-Hajjawi, Musa Ibn Ahmad Ibn Musa al-Maqdisi. t. t. *al-Iqna' li Talib al-Intifa'*. Arab Saudi: al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah.
- Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM. h. 36.
- Ibn Hazm. 1349H. *al-Muhalla*. Mesir : al-Taba'ah al-Muniriyyah.
- Idris Awang dan Tengku Sarina Aini. 2007. "Pembudayaan Mazhab Syafi'i Dalam Masyarakat Islam di Malaysia." *Jurnal Fiqh* 4; 157-172.
- INFAD. 2010. *Institusi Fatwa Peringkat Kebangsaan di Malaysia*, diakses pada 24 Jan 2013 dari [http://www.e-infad.my/infms/index.php?option=com\\_content&view=article&id=26&Itemid=53](http://www.e-infad.my/infms/index.php?option=com_content&view=article&id=26&Itemid=53)
- Ismail Hamid. 1983. *The Malay Islamic Hikayat*, Monograph 1. Bangi: Institut Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- JAKIM. 2013. *Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam*. Diakses pada 6 Februari 2013 dari <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>
- Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali. 2009. "Metode Penulisan Fiqh Oleh Nur al-Din al-Raniri dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim." *Jurnal Syariah* 17(2): 267-298.
- Jaziri, Abd al-Rahman. 1994. *Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Kaherah: Dar al-Hadith, h. 458.
- John Crawford. 1877. *History of The Indian Archipelago*. London: Frank Cass and Co. Ltd., vol. III.
- al-Khatib, Muhammad al-Syarbini. 1958. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani al-Faz al-Minhaj*. Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- Leonard Y. Andaya. 1975. *The Kingdom of Johore 1641-1728*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Liaw Yock Fang. 1976. *Undang-Undang Melaka*. The Hague Martinus Nijhoff.
- Luqman Haji Abdullah dan Nima Jihatea. 2007. "Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu." *Jurnal Fiqh* 4; 103-118.
- M.B Hooker. 1970. *Reading in Malay Adat Law*. Singapore: University Malaya Press.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. 1993. Zakat gaji dan pendapatan professional dari Perspektif Mazhab Syafi'i: Satu Penyesuaian Semula. *Jurnal Syariah*, 1 (2), 287-298.
- Mahyuddin b. Hj. Yahya. 1984M. *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Maqdisi, Ibnu Qudamah. 1992. *al-Mughni*. Kaherah : Hajar. 4: 295.
- Mohd Akram Dahaman. 2012. "Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura." Tesis PhD. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Nazri Asiabu. 2004. "Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa yang Dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia." Disertasi sarjana syariah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Mohadis Yasin. 2007. "Pengurusan dan Penyelarasan fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia." *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 1; 119-135.
- Moshe Yegar. 1979. *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation*. Jerusalem: The Hebrew University Magnes Press.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Terengganu: Utusan Publications & Distributors dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu.
- Muhammad al-Zuhaili. 2007. *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyiq : Dar al-Qalam.

- Muhammad Yusoff Hashim. 1990. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa al-Khin. 1992. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Shafi'i*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 2003. *Raudah al-Talibin*. Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 1980. *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab li al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Noor Afza Amran et al. 2005. *Panduan Penubuhan Perniagaan & Syarikat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali dan Ridzwan Ahmad. 2004. "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan." Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUF 2004)*, disunting oleh Irwan Mohd Subri, Abidah Abdul Ghafar, Abdul Manan Ismail, Azman Ab Rahman dan Farida Zou Zou. Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali, Rahimin Affandi Abd Rahim dan Raihanah Azahari. 2005. "Metode Pengeluaran Fatwa Diantara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JKF) dan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan." Dibentang di Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia 2005, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005.
- Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, 1981
- al-Qaradawi. 1994. *Fiqh al-Zakat*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurtubi, Ibn Rusyd. 2009. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- R.O Wenstedt. 1958. "Digest of Laws." *JMBRAS* Vol. XXXI Part 3.
- Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah. 2011. "Pendekatan Dakwah Ulama Sufi Nusantara Abad ke-17M dan 18M: Suatu Analisis Perbandingan dengan Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21?" Dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemanu Transformasi Negara*, disunting oleh Azmul Fahimi, et.al. (Eds.), 427-432. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. 2001. *al-Umm*. al-Mansourah: Dar-al-Wafa'.
- al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. 2002. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Syarbini, Muhammad bin Muhammad. 2004. *al-Iqna' fi hal al-Faz Abi Syuja'*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyah.
- Syed Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Syirazi, Ibrahim bin 'Ali. 1995. *al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Teuku Iskandar. 2007. "Aceh As A Muslim-Malay Cultural Centre (14th-19th Century)." Kertas kerja yang dibentangkan di First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies, Banda Aceh, Indonesia.
- Wan Mohd Shaghbir. 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara (jil. 2)*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniah.
- Wan Zulkifli Wan Hassan. 2002. "Doktrin Sadd al Dhazara'i' dan pemakiannya dalam membendung ajaran sesat: satu kajian di JAKIM." Disertasi Sarjana. Jabatan Fiqh & Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



- Wan Zulkifli, Hasnan, Zulkifli Mohamad, M. Sabri, Nazri Muslim dan Azizi Umar. 2012. "The Culutralization of The Sect of Shafi'i In Forming Harmony In The Malay Society In Malaysia." *Journal of Applied Sciences Research* 8(5); 2531-2542.
- Zaini Nasohah, Hayatullah Laluddin, Zuliza Mohd Kusrin dan Mohd Rizal Muzawir. 2012. "Standardisation of Fatwa in Malaysia: Management and Problems." *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(6); 923-929.
- Zaini Nasohah. 2005. "Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia." *ISLAMIYYAT* 27(1); 25-44.
- Zainuddin, H. M. 1957. "*Singa Atjeh*" *Biographi Seri Sulthan Iskandar, Muda*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.
- al-Zuhaili, Wahbah. 2004. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2011. "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa." Dlm. *Monograf al-Ifta' (Siri 2)*, disunting oleh Hajah Wan Morsita Wan Sudin (eds.), 56-88. Selangor: JAKIM.